

# Abdullah lancar penjenamaan semula Kolej Komuniti

Oleh ROZILAN SALLEH

KEPALA BATAS 2 Feb. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan penjenamaan semula Kolej Komuniti dengan mengarahkan semua institusi pendidikan dan latihan memperbaiki kualiti pengajaran, pembelajaran dan latihan dalam usaha melahirkan lebih ramai tenaga kerja untuk memenuhi pasaran kerja.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri mahu sektor swasta dan industri memberi pandangan dan maklum balas mengenai perubahan dan keperluan latihan semasa bagi menyediakan modal insan yang relevan dengan keperluan semasa.

Tegasnya, ilmu pengetahuan dan latihan yang disediakan seharusnya relevan dengan keperluan dan perkembangan semasa yang boleh digunakan untuk memasuki pasaran kerja sama ada sektor kerajaan, swasta atau menjadi usahawan.

Sehubungan itu, beliau melihat penjenamaan semula Kolej Komuniti yang mula beroperasi pada 2001 dengan 12 kolej perintis, sebagai suatu usaha yang mampu meningkatkan lagi kualiti dan imejnya serta membuka lembaran baru dalam bidang pendidikan dan latihan bersepadu.

"Ini akan membuka lebih banyak peluang kepada rakyat meningkatkan lagi ilmu dan kemahiran mereka ke arah membangunkan lagi modal insan negara, kita mahu anak muda dilihat sebagai satu aset, modal yang perlu diberi mutu yang tinggi, diperkaya dengan ilmu pengeta-

huan.

"Dengan ini, mereka akan mempunyai keupayaan dan kebolehan untuk menokok tambah nilai supaya sepanjang hayat menjadi pekerja atau orang yang berguna serta memberi sumbangan kepada pembangunan masyarakat dan negara," katanya ketika berucap melancarkan penjenamaan semula Kolej Komuniti, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan 33 syarikat swasta termasuk Telekom Malaysia Bhd., Malaysian Airlines System Bhd., MIMOS Bhd., Proton Holdings Bhd., DRB-Hicom Berhad, United Engineers (M) Bhd., Edaran Otomobil Nasional Bhd. dan Naza Kia Sdn. Bhd.

Kerjasama itu bertujuan menyediakan peluang latihan kepada kakitangan, latihan dan peluang pekerjaan kepada pelatih, sumbangan peralatan atau kemudahan oleh syarikat dan membangunkan kurikulum mengikut keperluan industri.

Abdullah berkata, bagi mencapai status negara maju, Malaysia memerlukan modal insan yang mempunyai kemahiran serta berdaya saing bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi sehingga ke peringkat antarabangsa.

Menurutnya, negara yang tidak mempunyai modal insan yang mampu menghadapi cabaran dan segala jenis krisis akan menyebabkan syarikat, negara dan bangsa menghadapi masalah termasuk kemerosotan yang boleh menjejaskan daya saing negara serta menghakis keupayaan

an untuk menjadi sebuah negara maju.

Pada masa yang sama, katanya, perubahan pesat pasaran pekerjaan memerlukan sektor swasta memainkan peranan memastikan kerajaan memahami keperluan mereka dan menyediakan latihan berseesuaian di semua institusi pengajian dan pusat latihan.

"Kita bersedia untuk berubah dari segi kurikulum dan latihan yang diperlukan di semua peringkat," katanya.

Beliau berkata, pelan induk yang digubal oleh Kementerian Pengajian Tinggi dengan pihak industri dan swasta bertujuan menghasilkan modal insan yang menepati kehendak pasaran serta sebagai usaha meningkatkan peranan kolej itu sejajar dengan misi membangunkan negara menjelang tahun 2020.

Oleh itu, katanya, penjenamaan semula tersebut merupakan langkah strategik untuk mencapai Misi Nasional dan kerajaan meletakkan program itu dalam status projek berimpak besar di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Bagi penjenamaan semula itu, kerajaan menyediakan peruntukan RM457 juta untuk prasarana dan RM72 juta untuk pembayaran pelbagai elaun sebanyak RM250 sebulan kepada pelatih yang berkelayakan yang mengikuti pengajian peringkat diploma dan sijil sepenuh masa mulai Julai ini.

Kolej Komuniti yang berjumlah 35 buah ketika ini, akan ditambah 25 lagi menjadikannya 60 buah, serta 20 kolej cawangan yang akan dibina sehingga 2010.

UM-3/2/2007